



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

13hb Ogos 2015

No. 17

No. 829.

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK), 1960
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT, 1960
(Act 530)

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 44 (1)

DECLARATION UNDER SECTION 44 (1)

Bahwasanya, menurut Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 927 bertarikh 28 November 1982 dan No. 638 bertarikh 21 Noember 2002, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4 dan 5(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 telah mengisyiharkan bahawa kawasan yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam Pelan *Warta* D.W. 3 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu menjadi satu kawasan Penempatan Berkelompok yang dipanggil sebagai Rancangan Tanah Felcra Seri Bandi Peringkat I, II dan V bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan untuk melombong bijih besi.

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 44 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini mengisyiharkan bahawa tanah yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam D.W. 3 yang terletak dalam kawasan penempatan berkelompok tersebut hendaklah terhenti menjadi suatu kawasan penempatan berkelompok bagi maksud Akta tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

768

[13hb Ogos 2015]

Whereas, by Terengganu Government *Gazette* Notification No. 927 dated 28 November 1982 and No. 638 dated 21 November 2002, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers conferred by section 4 and section 5(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 had declared the area delineated in grey in Plan *Gazette* D.W. 3 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping Terengganu to be a Group Settlement Area to be known as Rancangan Tanah Felcra Seri Bandi Peringkat I, II and IV for the purpose of the said Act and will be developed to mine tin.

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 44 (1) of the Land (Group Settlement Areas), Act 1960, the State Authority, hereby declares that land delineated in grey in D.W. 3 which is situated in the said group shall cease to be a group for the purpose of the said Act.

JADUAL/SCHEDULE

Perisyiharan Penamatan Sebahagian Kawasan Penempatan Berkelompok/ Declaration of Termination Part of Group Settlement Area

Daerah/District—Kemaman. Mukim—Hulu Cukai. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan Tanah Felcra Seri Bandi I, II, dan IV. No. Pelan/Plan No.—D.W. 3. Lembar Piawai/Sheet No.—150-A, B, C & D.

Bertarikh 12 Julai 2015

ZULKIFLI BIN ALI

Dated 12 July 2015

Setiausaha

[PTG. TR. (PBL)/17/32;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

PTK. 05/42/2001/0001(4);

Terengganu/

PUN. TR. 70/1 Jld. 3 (84)]

Secretary of the State Executive Council

of Terengganu

No. 830.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Ogos 2015]

769

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual adalah seperti yang berikut:

- (i) menandatangani permohonan ukur (P/U) dan rekuisisi keterangan hakmilik muktamad;
- (ii) menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan sulit cara dan salinan surat pendaftaran;
- (iii) memungut hasil tanah (kutipan luar);
- (iv) menandatangani Borang 4A, 4B dan 4C berkenaan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Pengalihan Bahan Batuan yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah;
- (v) menyaksikan suratcara di bawah seksyen 211 Kanun Tanah Negara;
- (vi) mendaftar dokumen hakmilik;
- (vii) urusan perbicaraan Pengambilan Tanah dan Hak Lalu-Lalang; dan
- (viii) tugas lain yang diarah oleh Pentadbir Tanah dan Pengarah Negeri.

JADUAL

PENOLONG PEGAWAI TANAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Abd. Wahab bin Omar	Penolong Pentadbir Tanah Marang	24.5.2015
Yusof bin Mamat	Penolong Pentadbir Tanah Marang	24.5.2015
Bertarikh 12 Julai 2015 [PTG. Tr. 00/02/1998/2E/03; PUN. Tr. 70/1 Jld. 3 (89)]	ZULKIFLI BIN ALI <i>Setiausaha</i> <i>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu</i>	

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government Gazette No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule to hold the post as specified in column (2) of the Schedules with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule shall be as follows:

- (i) to sign application for survey (P/U) and requisition for final title (R/T);
- (ii) to sign copies of plan and official searches, copy of titles, copy instruments and copy of registration letter;

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

770

[13hb Ogos 2015]

- (iii) to collect land revenues (outdoor Collection)
- (iv) to sign form 4A, 4B and 4C in respect of Temporary Occupation License and permit for Removal of Rock Material which have been approved by Land Administrator
- (v) to attest instruments of dealings under Section 211 of the National Land Code;
- (vi) to register document of title;
- (vii) trialmalters of Land Acquisition and rights of way; and
- (viii) other duties directed by Land Administrator and State Director.

SCHEDULE

ASSISTANT LAND OFFICE

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Abd. Wahab bin Omar	Assistant Land Administator of Marang	24.5.2015
Yusof bin Mamat	Assistant Land Administator of Marang	24.5.2015

Dated 12 July 2015
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/03;
PUN. Tr. 70/1 Jld. 3 (89)]

ZULIFLI BIN ALI
*Secretary of the State Executive Council
of Terengganu*

No. 831.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu W. Mohamad @ Wan Mahari bin W. Ismail dll. K/P. 450718-11-5287 yang beralamat di No. 7432, Jalan Dato' Kemaman, Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Kemasik. No. Lot—324. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 752. Luas—3.6571 hektar.

Bertarikh 8 Julai 2015
[PTG. Tr. 04/55/2015/B/006]

MOHD JAMEL AZIZ BIN MOHD JIDIN
*Pendaftar Hakmilik
Kuala Terengganu*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Ogos 2015]

771

No. 832.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu W. Mohamad @ Wan Mahari bin W. Ismail dll. K/P. 450718-11-5287 yang beralamat di No. 7432, Jalan Dato' Kemaman, Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar—Kuala Terengganu. No. Lot—4611. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 21041. Luas—2011 meter persegi.

Bertarikh 8 Julai 2015
[PTG. Tr. 05/55/2015/B/015]

MOHD JAMEL AZIZ BIN MOHD JIDIN
*Pendaftar Hakmilik
Kuala Terengganu*

No. 833.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Tetuan K.S. Ong & Co., yang beralamat di No. 424 A, Jalan 5/132, Taman Gasing Indah, 59200 Kuala Lumpur kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Mercang. No. Lot—778. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 563. Luas—2.605 hektar.

Bertarikh 29 Jun 2015
[PTM. 04/55/2015/0006]

MOHD FAUZI BIN MUDA
*b.p. Pentadbir Tanah
Marang*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

772

[13hb Ogos 2015]

No. 834.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Md Yassin @ Adnan bin Muda K/P. 590121-11-5289 (5512450) yang beralamat di d/a Malayan Banking Berhad, No. 92 Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Rusila. No. P.T.—7316. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M). 3232.
Luas—67 meter persegi.

Bertarikh 29 Jun 2015
[PTM. 06/55/2015/0008]

MOHD FAUZI BIN MUDA
*b.p. Pentadbir Tanah
Marang*

No. 835.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Safien bin Ismail dll. K/P. 590512-11-5067 (5651018) yang beralamat di No. D. 52 Taman Perumahan Jalan Giat Mara, 21400 Bukit Payung Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Bukit Payung. No. Lot—1217. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1178.
Luas—0.2833 hektar.

Bertarikh 29 Jun 2015
[PTM. 02/55/2015/0013]

MOHD FAUZI BIN MUDA
*b.p. Pentadbir Tanah
Marang*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Ogos 2015]

773

No. 836.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBATALAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 321 yang disiarkan pada 26 Mac 2015 (No. 7) bagi G.M. 3878 Lot 8464 Mukim Bukit Payung. Adalah dibatalkan Pemberitahuan *Warta* tersebut.

Bertarikh 4 Mei 2015

[PTB. 02/55/2015/0005]

No. 837.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Hanum binti Isa @ Ghazali, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 26 Ogos 2015 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM48,853.54 (8.4.2015). Nama pemegang gadaian Malaysia Building Society Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:
RM8,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu sahaja).
- (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

774

[13hb Ogos 2015]

- (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 24 Disember 2015 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Cukai. No. Lot—21449. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 4943. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 641/2005.

Bertarikh 8 April 2015
[PTK. 04/53/2014/0071]

*Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 838.
(Seksyen 263)

PENGISYTIHARAN JUALAN

(Kali Pertama).

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

DI ANTARA

RHB Bank Berhad

DAN

Mohd Ramazan bin Mahmood
K/P. 790812-01-5961
Sadariah binti Abdol
K/P. 780505-11-5672

PEMEGANG GADAIAN

PENGGADAI

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Ogos 2015]

775

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Kemaman yang diperbuat pada 8 April 2015 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Kemaman.

Akan menjual secara lelongan awam pada 26 Ogos 2015 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

Jenis dan No. Hakmilik	:	P.M. 4943.
Mukim/Daerah/Negeri	:	Cukai/Kemaman/Terengganu.
Tempat/Lokaliti	:	Bukit Mentok.
No. Lot	:	21449.
Keluasan	:	120 meter persegi
Cukai Tanah/Tahunan	:	RM10.00.
Tuanpunya Berdaftar	:	Mohd Ramazan bin Mahmood K/P. 790812-01-5961 Sadariah binti Abdol K/P. 780505-11-5672
Taraf Pegangan	:	Pajakan 99 tahun.
Tempoh Pajakan	:	—
Jenis/Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan.

Syarat Nyata:

- (i) Hendaklah didirikan bangunan rumah kediaman sahaja.
- (ii) Dalam tempoh dua tahun dari tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekatan Kepentingan:

- (i) Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu.
- (ii) Sekatan Kepentingan (i) di atas tidak tertakluk kepada pemilik pertama.
- (iii) Sekatan Kepentingan (i) di atas tidak tertakluk kepada penerima pindahmilik pertama daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi tujuan digadai kali pertama sahaja.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

776

[13hb Ogos 2015]

Catatan dan Kemasukan Lain:

Tanah Orang Melayu.

Bebanan (Pemegang Gadaian):

Digadai kepada RHB Bank Berhad. No. Perserahan 641/2005 bertarikh 16.2.2005.

Lokasi dan Perihal Tanah:

Hartanah ini terletak di alamat P.T. 9231, Jalan Asoka 17, Bandar Baru bukit Mentok, Kemaman

Harga Rizab:

RM80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu Sahaja).

Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah, Kemaman dalam perintah (Borang 16H) atau Pengisyntaran Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah deposit sebanyak 10% daripada harga rizab iaitu selewat-lewatnya 60 minit sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran depositnya (3) hendaklah dalam bentuk Bank Draf (sahaja) kepada pemegang gadaian dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan di sebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.
7. Baki harga tawaran/pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh perjanjian jual beli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah melanggar perjanjian jual beli dan wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan/diaghikhan mengikut seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

13hb Ogos 2015]

777

8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Bertarikh 21 Jun 2015
[PTK. 04/53/2014/0071]

HANUM BINTI ISA @ GHAZALI
*b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman*

Hak Cipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA